

# Pemenang Anugerah Tun Mustapha pernah kerja di kedai cendol untuk tampung pengajian.

January 18, 2023 : Harian Express

2023

harianekspres



JABATAN PENERANGAN

SIAW menerima Anugerah Tun Mustapha daripada Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor (kanan) sambil diperhatikan Naib Canselor UCSF, Dr Rafiq Idris.

## Pemenang Anugerah Tun Mustapha pernah kerja di kedai cendol untuk tampung pengajian

KOTA KINABALU: Berbasikal dari Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF) untuk ke tempat kerjanya di Imago, di sini, tidak menghalang Siaw Shing Pau Johnson Jenoven merangkul Anugerah Tun Mustapha.

Jejaka berusia 24 tahun dari Kg Keduko, Kelatuan di Papar itu terpaksa bekerja sambil di Teochew Chendul untuk membiayai sepenuhnya keperluan harian sepanjang pengajiannya.

"Gaji yang diperolehi tidak menentu bergantung jumlah hari bekerja. Ketika musim peperiksaan, saya hanya dapat sekitar RM300 tetapi pada masa lain, upah saya boleh mencecah sehingga RM600.

"Saya berasal dari keluarga susah dan memahami keadaan kewangan mama saya sebagai penoreh getah yang pendapatannya tidak menentu," katanya ketika ditemui pada Majlis Konvokesyen Kedua UCSF, di sini.

Siaw kematian ayah kandungnya semasa berusia lapan tahun dan dibesarkan oleh ayah tiri bersama ibunya.

Namun, belum sempat melihat Graduan Fakulti Sains Alam Semulajadi dan Kelestarian itu meraih kejayaan, ayah tirinya meninggal dunia baru-baru ini.

"Mendiang tegas dan sentiasa menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Kerana itu, pemergiannya pada 3 Januari lalu membuatkan saya terkilang," tambah Siaw yang kini bekerja sebagai Pegawai Alam Sekitar di sebuah syarikat di sini.

Siaw berazam memperbaiki kehidupan keluarga dan berterima kasih kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Sen Ming, Papar Middle School dan UCSF, yang memberikannya peluang menimba ilmu.